



PEKELILING AKADEMIK BIL. 22/2022

Semua Pelajar Program Prasiswazah

Saudara/i,

PENGEDARAN KAD MASUK PEPERIKSAAN DAN JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN (KMJP) SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2021/2022

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Peperiksaan Akhir Semester 2 Sesi Akademik 2021/2022 akan diadakan mulai **18 Julai 2022 hingga 7 Ogos 2022**. Sehubungan itu, **pelajar dikehendaki mencetak sendiri Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) melalui SMPweb mulai 20 Jun 2022 hingga 7 Ogos 2022**.

3. Pelajar yang **gagal membuat Pengesahan Masuk Peperiksaan** perlu mengikuti arahan seperti berikut:-

- i) Membayar denda sebanyak RM15.00 (Ringgit Malaysia: Lima Belas Ringgit Sahaja) dibayar melalui Portal <https://ekewangan.ukm.my/> (Pilih Bayaran Tanpa Invois).
- ii) e-melkan salinan bukti pembayaran kepada pihak Pusat Pengurusan Akademik (akad@ukm.edu.my).
- iii) Cetakan KMJP melalui SMPweb hanya akan dibenarkan selepas bayaran denda dibuat dan disahkan oleh pihak Pusat Pengurusan Akademik.

Diingatkan bahawa KMJP mestilah dibawa bersama semasa menduduki peperiksaan. Kegagalan menunjukkan KMJP akan menyebabkan pelajar tidak dibenarkan menduduki peperiksaan.

4. Pelajar dikehendaki mematuhi peraturan peperiksaan di sepanjang tempoh peperiksaan. Sebarang nota (digital/fizikal) kecuali dengan kebenaran dan telefon bimbit adalah **DILARANG** dibawa masuk ke tempat peperiksaan. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya saudara/i didapati melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh universiti.

Kerjasama daripada saudara/i didahului dengan ucapan terima kasih.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013


CERT. NO. ISMS 00249

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia


Tel.: +603-8911 8450/8460/8461/8458/8454/8459 E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

Yang benar,



MUHAMMAD WALID OSMAN
Timbalan Pendaftar
Pusat Pengurusan Akademik

- s.k. - Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)
- Dekan
Fakulti/Pusat
 - Pengarah
Pusat Teknologi Maklumat
 - Pengarah
Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMShape)
 - Pengarah
Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM)
 - Pengarah
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
 - Ketua
Unit Kewangan Pelajar
Jabatan Bendahari
 - Ketua Penolong Pendaftar/Penolong Pendaftar Kanan/Penolong Pendaftar
Fakulti/Pusat
 - Yang Dipertua
Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUKM)



PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8911 8450/8460/8461/8458/8454/8459 E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik